# KERATAN AKHBAR

**NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN**

**TARIKH: 13 OGOS 2019** **MUKA SURAT:**

SABTU, 10 OGOS 2019

BH BeritaHarian 1klassifieds

Jobs 1klassifieds

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) +603 2299 6000 (Antarabangsa)

DI DALAM : TEMPAHAN DAN CARIAN
DAPATKAN DI SINI!

AUTO — Kereta, Trak, Bas
NOTIS — Laporan Kewangan, Tender, Notis Am
KLASIFIKASI AM — Perkhidmatan, Kecantikan, Kesihatan, perabot
HARTANAH — Rumah, Kedai

KITAR SEMULA
FIKIR DULU SEBELUM BUANG

*Advertorial*

# INDUSTRI PERCETAKAN DIGALAK KITAR SEMULA



*Datuk Liew Vui Keong*

KUALA LUMPUR : Industri percetakan tempatan digalakkan untuk menggunakan kertas kitar semula sebagai sokongan terhadap kempen kitar semula yang dijalankan secara besar-besaran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata pengusaha industri tempatan perlu bergerak seiring dalam memberi impak yang positif seperti kempen kitar semula yang lain.

"Kita dapat lihat penggunaan plastik di negara kita semakin berkurangan dan kesedaran berkaitan kempen ini disambut dengan meluas di Malaysia.

"Mengapa industri percetakan tidak melakukan perkara yang sama? Bukankah penggunaan bahan cetak kitar semula dapat mengurangkan kos pengurusan, seterusnya menjadi inovasi terbaharu dalam industri ini," katanya dalam satu acara yang dihadirinya, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, setiap produk yang dihasilkan mempunyai proses pembungkusan yang menggunakan bahan bercetak.

Justeru, katanya, pemain industri berkaitan perlu lebih kreatif dalam menghasilkan produk bersesuaian untuk pengguna.




